

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 11.3.2015

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib dan jika *home schooling* boleh menjadi pilihan ibu bapa dalam menentukan jenis pendidikan anak mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib adalah berdasarkan kepada Subseksyen 29A (3), Akta Pendidikan 1996 yang memperuntukkan bahawa "Menteri boleh, jika difikirkan wajar dan demi kepentingan murid atau awam untuk berbuat demikian, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan mana-mana murid atau mana-mana golongan murid daripada kehendak supaya mengikuti pendidikan wajib, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau membatalkan atau mengubah atau menambah syarat-syarat itu".

Walaupun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerima kes permohonan pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib dan menjalankan persekolahan di rumah (*Home Schooling*) berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.
- 2.2 Pemohon mestilah memiliki kelulusan ikhtisas perguruan.
- 2.3 Salah seorang ibu bapa mestilah berkesanggupan untuk menjadi pengajar kepada kanak-kanak tersebut secara sepenuh masa di rumah.
- 2.4 Diwajibkan untuk menggunakan kurikulum kebangsaan.
- 2.5 Berkemampuan untuk menyediakan prasarana pendidikan yang kondusif dan sempurna untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- 2.6 Lawatan ke rumah pemohon akan dibuat untuk tujuan lawatan tapak kesesuaian prasarana pendidikan oleh pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.
- 2.7 Pemohon membenarkan Pegawai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah untuk melawat rumah pada bila-bila masa hari persekolahan untuk tujuan pemantauan proses Pengajaran & Pembelajaran tanpa prasangka.

- 2.8 Kanak-kanak yang menjalankan *Home Schooling* tidak dibenarkan sama sekali untuk menghadiri mana-mana persekolahan secara tuisyen harian sama ada swasta atau kerajaan.
- 2.9 Sekiranya didapati pemohon melanggar syarat-syarat yang terkandung dalam kelulusan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia maka pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berhak untuk membatalkan kelulusan tersebut dengan serta merta dan kanak-kanak tersebut hendaklah didaftarkan semula ke sekolah biasa dengan segera.